

26/07/1997

Kejatuhan harga ringgit untungkan pengeksport

Wan Sabariah Shikh Ali

PENGEKSPORT Malaysia wajar mengambil kesempatan daripada kejatuhan harga ringgit di pasaran untuk menikmati keuntungan daripada nilai eksport yang lebih berdaya saing.

"Melihat kepada paras ringgit yang berada pada tahap murah sekarang, ini adalah masa terbaik bagi pengeksport Malaysia.

"Mereka sepatutnya mempergunakan kesempatan seperti ini untuk memperolehi nilai yang lebih baik bagi eksport mereka," kata Pengarah Urusan Maybank, Amirsham A Aziz.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kecemerlangan pendidikan bagi anak-anak kakitangan Maybank, di Kuala Lumpur, semalam.

Kejatuhan ringgit bermakna barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat tempatan ke pasaran antarabangsa lebih murah.

Ringgit menerima tekanan ekoran serangan spekulatif yang bertalu-talu dalam tempoh beberapa minggu lalu, dengan apa yang disifatkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai usaha yang mempunyai agenda yang lebih daripada isu keuntungan semata-mata.

Amirsham adalah antara pengurusan tertinggi bank tempatan yang dipanggil mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir, Rabu lalu, sehari selepas Perdana Menteri kembali dari bercuti selama dua bulan.

Selain Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don, turut bersama dalam mesyuarat itu ialah Pengerusi Kumpulan RHB Bank, Tan Sri Abdul Rashid Hussain dan Pengerusi AlliedBank (Malaysia) Bhd, Tong Kooi Ong.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas berhubung mesyuarat itu yang dikatakan membincangkan langkah yang boleh diambil oleh sektor perbankan dalam menangani masalah kemerosotan nilai ringgit.

Mengenai saranan Dr Mahathir supaya Asean mengambil pendirian seragam untuk menangani serangan spekulatif mata wang negara anggotanya termasuk menggubal undang-undang khusus, Amirsham berkata:

"Setakat ini memang wujud kerjasama di kalangan Bank Pusat negara di rantau ini, terutama dalam soal laluan terhadap kecairan sekiranya berlaku serangan tidak menentu terhadap mana-mana mata wang.

"Bagaimanapun, ini adalah isu yang kompleks, tidak ada satu langkah khusus untuk menanganinya."

Ringgit dilaporkan lebih stabil sekitar paras 2.64 semalam berikutan pembelian ke atas dolar lega menjelang hujung minggu.

Pada jam 5.00 petang, ringgit ditutup pada 2.6480/95, lebih tinggi sedikit berbanding dolar apabila dibandingkan dengan penutup kelmarin 2.6490/95. Ia dibuka pada 2.6440/70 pagi semalam.

Mengenai paras kadar faedah yang semakin melega berbanding beberapa minggu lalu kesan tekanan terhadap ringgit, Amirsham berkata, kedudukan kadar faedah kini lebih selesa.

Pada paras semasa, katanya, semua pihak berkeyakinan negara dapat meneruskan pertumbuhan mapan seperti yang diunjurkan sebelum ini.

Sama ada kenaikan kadar faedah memberi kesan langsung kepada pendedahan pinjaman Maybank, katanya, ia hanya dapat dinilai dalam tempoh dua tiga bulan lagi memandangkan permohonan pinjaman menjalani proses yang agak panjang.

(END)